

Oleh Zulfazlan Jumrah

"SEMUA NYA. Apa yang ada di sini kini menjadi milik awak, Furqan." Kata-kata Cik Ayoko lewat pertemuan mereka di rumah agam Otosan Tamada yang terletak di Kita-Ibaraki seolah-olah masih bergema di jendela telinganya.

"Semuanya? Termasuk lukisan *Japanese Geisha* dan ratusan naskah klasik ini? Tapi, bagaimana Otosan boleh mewasiatkan semua ini kepada saya melalui em ... cik"

"Cik Ayoko. Sebenarnya, saya salah seorang cucunya yang masih hidup. Namun, barangkali saya bukan orang yang layak untuk mewarisi segala khazanah berharga ini, maka kerana itu Otosan mewasiatkan harta seninya ini kepada awak, Furqan." Jelas Cik Ayoko yang kelihatan seperti beberapa tahun lebih muda daripadanya.

Furqan menghela nafas berat. Janji temu yang sedari mulanya agak keberatan untuk dimungkir pada petang itu, nyata kini meresahkannya. Berbeza dengan perasaan riang sesiapa sahaja yang menikmati kuntum sakura yang mula memekar sejak tiga hari yang lalu di luar, ternyata atmanya tidak begitu. Seresah ingatannya pada helaian kenangannya bersama Otosan ketika dia mula-mula menjejaskan kakinya di sini dahulu.

II

"ANAK ini, Melayu Indonesia?" petah saja susun atur bicara Melayu lelaki ini meski telor pelat Jepunnya masih bersisa, lewat pertemuan mereka di sebuah bangku di sisi anak tangga surau kecil berbayar di tengah-tengah bandar raya Ibaraki yang padat.

"Tidak. Saya dari Malaysia." Balas Furqan pendek. Dia cepat-cepat menyarungkan kaus

Kirmizi sore
di kelopak

Sakura



ZULFAZLAN Jumrah, ahli Persatuan Penulis Johor (PPJ) adalah peserta Minggu Penulis Remaja 2006 (MPR 2006) anjuran Dewan Bahasa

dan Pustaka (DBP). Beberapa karyanya mendapat tempat dalam *Dewan Sastera*, *Berita Minggu*, *Mingguan Malaysia*, *Skor*, *Tunas Cipta dan Jendela Selatan*. Beliau pernah memenangi Hadiah Sastera Darul Takzim VII (Cerpen *Hamparan Kudus di Wellington Hall*). Novel sulung penuntut Bachelor Pendidikan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama (PBMP), Universiti Putra Malaysia (UPM), *Takdir Belum Tertulis* diterbitkan Penerbit Ilmu Bakti Sdn Bhd.

kulitnya kerana taat berpegang pada azimat Nek Yam, agar tidak mudah mempercayai orang asing di perantauan. Namun, keramahan lelaki tua yang meminta Furqan memanggilnya sebagai Otsan menyebabkan Furqan kalah. Lelaki ini kebetulan merupakan pensyarah yang mengajar di Universiti Ibaraki-universiti yang bakal menerima Furqan sebagai pelajar baharu menjelang minggu orientasi tiga hari lagi. Lalu, kerana tidak mahu terpinga-pinga seperti orang bodoh atau macet mahu menterjemah kamus Melayu-Jepun, Furqan mengambil langkah untuk mengikut sahaja lelaki yang hanya setengah jam yang lalu dia ramahi ini menikmati kuntuman sakura nan mekar di sebatang jalan Kyotonima sebelum menaiki tren transit bawah tanah ke rumah tradisional yang agam di Kita-Ibaraki. Sejak itulah, hubungannya dengan Otsan bertambah ramah dan barangkali kerana itu dia langsung menerima pelawaan lelaki lebih separuh abad ini untuk tinggal di rumahnya. Secara peribadi, Otsan bukan sahaja menjadi pensyarah yang baik, malah boleh juga dikatakan sebagai bapa, rakan juga pendengar adu domba yang setia.

III
LEMBAR kenangan itu berpujing sebaik sahaja dia dikejutkan dengan deringan telefon bimbit Cik Ayoko yang memecahkan kesepian yang mencekik bilik bacaan berhawa dingin itu sejak tadi. Sebaik menjawab seadanya panggilan telefon yang barangkali kurang penting, Cik Ayoko melemparkan seulas senyuman kepadanya. Seveda, gadis itu dilihat mengitari segenap ruang bilik bacaan yang luas dan kemas tersusun itu, membelek senaskah buku bertulisan kanji klasik, melihatnya seperis lalu menawarkan Furqan satu jeda pertemuan yang santai.

"Furqan, awak pasti rindukan Ocha tradisi keluarga kami, bukan? Saya yakin, meniang Otsan selalu menjamu awak dengannya. Mari, kalau awak tidak keberatan, menjelang petang nanti boleh kita berteduh di bawah pohon sakura sebentar sambil menikmati Ocha tradisi kami. Banyak perkara yang perlu saya ceritakan kepada awak." tanya Cik Ayoko menyebabkan Furqan tidak mempunyai pilihan lain selain mengangguk tanda setuju.

Pohon sakura yang sedang memekarkan kelopak bunga putih-merah dengan rona warna yang cantik. Penuh, sehinggakan seperti tidak ada

sehelai daun pun yang berani mengeluarkan klorofil. Hanya sakura dan sakura. Cik Ayoko menatang sedulang Ocha tradisi keluarga Tamada-Ocha pekat dengan hirisan halia, lantas diletakkan di atas meja kayu berukir halus yang terperuk di sudut taman mini Jepun di halaman luar pejabat Otsan yang dirimbuni pohon sakura. Dia lantas menyuaikan sepiring minuman tanpa gula itu kepada Furqan.

"Otsan pernah berkahwin, tetapi tidak pernah mempunyai anak. Isteri Otsan orang Melayu. Mereka bernikah selepas perang dunia kedua tamat. Ketika itu, Otsan berkhidmat sebagai askar Nippon di bawah rejim Maharaja Hirohito. Namun atas desakan Jeneral Kuwahara Miko, Otsan terpaksa meninggalkan isterinya di Tanah Melayu " Saya saja nada Cik Ayoko ketika bicara mereka malu-malu terpacul, sambil tunak matanya memandang ke arah sephohon sakura yang sedang rimbun berbunga dibiasi cahaya jingga petang itu. Segelas Ocha di tangannya sudah langcai takat separuh.

"Orang Melayu? Oh Tuhan, kenapa Otsan tidak pernah memberitahu perkara ini kepada saya?" soal Furqan hairan. Apa tidaknya, setelah hampir lima tahun menuntut dan menetap di sini, sejujurnya dia tidak mengerti bagaimana rahsia besar sebegini masih berjaya disembunyikan oleh Otsan daripada pengetahuannya. Sungguh, Furqan hairan kerana padanya gadis Jepun yang bertubuh genit, berkulit putih dan mulus sangat menawan. Tetapi, barangkali ada musabab peribadi di mengapa Otsan memilih gadis Melayu.

"Dia memang mahu menyembunyikan perkara ini daripada pengetahuanmu, Furqan. Otsan tidak mahu awak mengetahui semua ini selagi dia masih hidup. Furqan, cinta Otsan itu bersifat abadi. Cinta Otsan terhadap isteri Otsan bukan pada kemolekan

paras rupa, tetapi pada kehalusan budi pekerti dan kemuliaan peribadi." Balas Cik Ayoko menyisir langsir perbualan di jendela perbincangan.

"Tapi kenapa? Kenapa memilih gadis Melayu?" daun persoalan Furqan pula tiba-tiba bertembangan dibawa angin hairan ke taman hatinya. Dia semakin berminat untuk mengetahui rahsia yang disembunyikan oleh Otsan selama ini.

"Kerana pekerti santun gadis Melayu itu sendiri. Furqan, tahukah awak betapa bangsamu ini adalah bangsa terpilih?" soal Cik Ayoko. Mata sepetnya dikedikkan lagi, menduga perasaan gemetar anak muda yang beberapa tahun lebih matang daripadanya ini.

"Bangsa terpilih? Maksud Cik Ayoko?" soal Furqan dungu. Benar, sejak tadi, apa yang membelit perasaannya hanyalah persoalan, persoalan dan persoalan. Dia lebih suka menjadi pendengar yang setia sebetulnya.

"Ya, bangsa terpilih. Bangsa yang dikurniakan dengan segala yang terbaik oleh Tuhan. Segala kesederhanaan, kemuliaan yang tidak dimiliki oleh mana-mana bangsa di dunia ini. Kesederhanaan yang menjadi tunjang kekuatan sebuah peradaban. Warna kulit tidak terlalu gelap atau terlalu cerah, fizikal yang tidak terlalu besar dan tidak pula terlalu kecil. Namun di sebalik kesederhanaan itu, jiwa kalian disaluti satu semangat juang yang tinggi. Jika tidak, masakan bangsa kalian pernah memeta sebuah empayar agung, direntasi selat bertuah dan semanjung emas yang merupakan entiti penting dalam revolusi peradaban manusia." Jelas Cik Ayoko lancar. Tunak matanya kini dihumban ke luar jendela. Bunga sakura yang gugur satu persatu kian tampak berbalam. Kirmizi sore kian membiaskan cahaya jingga ke serata alam, menjadikan bumi Ibaraki itu seperti dilimpahi cahaya neon gergasi yang terang.

"Cik Ayoko, ia satu pengormatan untuk bangsa saya. Terima kasih di atas pujian ikhlas itu. Kini barulah saya faham, kenapa Otsan memilih gadis Melayu untuk dijadikan isterinya. Tetapi, apa kaitannya dengan saya? Juga khazanah yang tidak ternilai ini yang kini menjadi milik saya? Mengapa Otsan mewariskan semua ini kepada saya?" soal Furqan lagi. Wajah bening gadis Jepun genit di hadapannya kini cuba diselaminya. Otsan memiliki beratus, malah mungkin beribu pelajar di Universiti Ibaraki, tetapi kenapa dirinya yang dipilih?

Cik Ayoko tersenyum sekilas. "Furqan, awak sukakan sakura?" soalan Cik Ayoko seharusnya menimbulkan lagi benih persoalan di benak Furqan yang mengangguk tanpa sedar.

IV

"SAKURA menjadi kebanggaan warga Jepun. Sakura merupakan simbol penting, yang kerap kali diasosiasikan dengan perempuan, kehidupan, kematian, juga merupakan simbol untuk mengekspresikan ikatan antara manusia. Sakura ini lambang keberanian, kesedihan, dan kegembiraan. Sakura juga menjadi metafora untuk ciri-ciri kehidupan yang tidak kekal." Berjela penerangan Cik Ayoko ketika mereka berdua melewati sebatang jalan bernama Sakuridori yang membariskan berpuluh batang pokok sakura yang sedang memekar tidak jauh dari Universiti Ibaraki laksana perbarisan seplatus laskar yang setia. Penuh!

"Maksud Cik Ayoko?" soal Furqan yang masih dicandu rasa hairan. Sebetulnya, pertemuan ini menjadikan dirinya seperti sang bebal yang sering diasak dengan tubi teka-teki. Cik Ayoko terlalu gemar bermain dengan perasaan dan bijak mengantungkan jurai persoalan. Dia sendiri mengakui, sejak mengenali gadis yang menetap di pekan Kawasaki Maginu ini setengah jam yang lalu, dia masih belum dapat menerka

sifat sebenar gadis cantik ini.

"Furqan, pernahkah awak terfikir mengapa Otsan mewariskan segala harta intelek ini kepada awak?" soal Cik Ayoko sempat mengerlingnya barang sekilas. Sekuntum mekar bunga sakura yang gugur di tanah dikutip, dibelek kelopaknya dengan antara ruas jemari yang kontot.

"Tidak, kecuali dengan satu tanggapan pengaruh bahawa saya adalah pelajar kesayangannya." Balas Furqan sambil melakukan perkara yang sama.

"Atau barangkali kalian berdua mempunyai pertalian darah? Bagaimana? Nama nenek awak Mariam Binti Hashim, bukan?" soal Cik Ayoko sambil mengecikkan matanya yang sedia sepet itu.

Furqan tidak menjawab. Dalam keadaan bingung, tanpa sedar dia menganggukkan kepala. Sungguh, dia kini seakan sudah dapat menerka jawapan kepada persoalan yang sejak tadi mengasak mindanya. Di langit Ibaraki, sinar kirmizi sore yang melimpahkan cahaya mutiara-nya pada kelopak-kelopak sakura yang mekar seakan turut membiaskan cahaya kasih di hatinya yang luluh.

PENGARANG kreatif dipelawa menghantar cerpen bermutu dan bermoral untuk halaman *Kreatif, Sabtu, Berita Harian* serta dihantar melalui e-mel: bhsastera@nstp.com.my. Pengirim cerpen wajib menyertakan biodata, nombor kad pengenalan, alamat lengkap, nombor telefon, gambar yang jelas berukuran 2 megabait menggunakan sistem JPEG. Karya tidak boleh melebihi 150 baris ditaip di atas kertas A4, langkau dua baris. Karya yang tidak terpilih tidak akan dikembalikan. Nombor akaun Maybank atau CIMB perlu disertakan bagi urusan pembayaran honorarium jika karya tersiar.